

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI
[IGAN]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk membina Pejabat Persekutuan di daerah Daro memandangkan Jabatan-Jabatan Persekutuan sekarang menumpang di Pejabat Daerah Daro dan menyewa di Lot Kedai.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUSJOHNITY ONGKILI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada semakan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, didapati bahawa terdapat **9 jabatan/agensi persekutuan** yang beroperasi di daerah Daro, Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **enam (6) jabatan/agensi telah mempunyai bangunan sendiri** iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pejabat Pendidikan Daerah, Hospital Daro, Pejabat Perikanan Laut Daro, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Daro dan Klinik Kesihatan Daro.
2. Sementara itu, terdapat **dua (2) jabatan/agensi** lagi iaitu Jabatan Sukarelawan Malaysia, Daro dan Jabatan Pendaftaran Negara Daerah Daro **beroperasi secara sementara** di bangunan Pejabat Daerah Daro.
3. Manakala hanya **satu (1) lagi agensi** iaitu Jabatan Penerangan Malaysia Daerah Daro **didapati masih menyewa** di lot kedai sebagai premis pejabat.
4. Justeru itu, berdasarkan kepada maklumat seperti yang dimaklumkan di sini, Kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membina Kompleks Gunasama Persekutuan di Daerah Daro memandangkan tiada keperluan yang mendesak untuk cadangan tersebut dilaksanakan buat masa ini.

Sekian, terima kasih.